

SMKA Maahad Hamidiah juara debat bahasa Arab

Nilai: Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor muncul juara Pertandingan Debat Bahasa Arab Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-7 dan Jemputan Nusantara 2014, baru-baru ini.

Pertandingan itu membabitkan 46 buah sekolah yang diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan.

SMKA Maahad Hamidiah menewaskan SMKA Dato' Hj Abu Hassan Hj Sail mewakili Negeri Sembilan dan membawa pulang piala pusingan Naib Canselor USIM, wang tunai RM2,000, piala iringan, manakala SMKA Dato' Hj Abu Hassan Hj Sail menerima piala iringan dan wang tunai RM1,000.

SMKA Maahad Hamidiah selaku kerajaan memperdebatkan usul 'Pengajaran Sejarah di Sekolah Menengah Menggalakkan'.

Pasukan itu diwakili Aiman Arif Adnan, Jihad Muhammad Puad, Nurul Basyirah Nurul Amali serta Anis Farhana Amran yang turut diumumkan sebagai pendebat terbaik pertandingan dan meraih hadiah wang tunai RM500.

46 buah sekolah

Pertandingan Debat Bahasa Arab Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan anjuran kementerian dan USIM sejak tahun 2008 disertai 46 buah sekolah menengah seluruh negara terdiri daripada sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah agama bantuan kerajaan,

kelas aliran agama dan sekolah berasrama penuh terpilih.

Pertandingan itu dianggap sebagai landasan terbaik untuk melatih keupayaan pelajar berfikir secara kritis dan analitis terhadap pelbagai isu semasa dan pada masa sama menjadikan pelajar menguasai dan berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Kategori Jemputan Nusantara yang pertama kali diperkenalkan tahun ini disertai oleh 13 buah sekolah, antaranya Kolej Islam

Sultan Alam Shah (KISAS) Malaysia; Perguruan Diniyyah Puteri Padang Panjang, Sumatera Barat dan Pondok Modern Darussalam Gontor Putri (Indonesia).

Sekolah lain terdiri daripada Madrasah Alsagoff Al-Arabiah (Singapura); Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkih (Brunei); dan Chariyatham Suksa Foundation School, Songkhla di Thailand.

Bagi kategori Jemputan Nusan-



tara, Pondok Modern Darussalam Gontor Putri, Ngawi yang mewakili Indonesia muncul johan menewaskan KISAS.



Pasukan debat SMKA Maahad Hamidiah, Kajang bersama-sama guru iringan.